

Interpretasi partikel wacana ‘Lah’ berdasarkan ilmu Balaghah

[Interpretation of discourse particle ‘Lah’ based on knowledge of Balāghah]

Mohd Sufian Ismail¹, Anida Sarudin^{1*}, & Azman Che Mat²

¹ Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjong Malim, Perak, Malaysia.

² Akademi Pengajian Bahasa dan Undang-Undang, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Terengganu, Dungun, Terengganu, Malaysia.

* Corresponding Author: PM. Dr. Anida binti Sarudin. Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia. E-Mail: anida@fbk.upsi.edu.my, Telp.: 0135111346, ORCID ID: <https://orcid.org/0000-0002-9795-8906>.

Keywords:

*Discourse Particles;
Interpretation; Balāghah;
al-Ma‘ānī; Isnād; Uslūb*

ABSTRACT

The development of studies in Malay and Arabic has prompted researchers to construct an interpretation of the discourse particle ‘lah’ based on the Arabic linguistic perspective. This research adapted methods used by Sidnell in detailing aspects of interpretation choice with regard to discourse type, informants, and data transcription procedures. Recordings of the discourse on Wacana Sinar with the title “Plan for National Young Leaders/Pelan Pemimpin Muda Untuk Negara” is used. The interview involved a moderator and three-panel members from the government and from the opposition parties. In the process of developing interpretation for the discourse particles ‘lah’, knowledge of Arabic Balāghah is adapted to its use in Malay. Based on this knowledge, specifically on knowledge of al-ma‘ānī, analysis to build the discourse interpretation of the particle ‘lah’ is focused on the form of spoken speech (khabarī), aspects of the structure of speech (isnād) and aspects of language style (uslūb). The result of this study indicated two interpretations of the discourse particles ‘lah’. One is indicative of the speech structure used (isnād). Apart from that, twelve other interpretations of discourse particles ‘lah’ are based on aspects of language style (uslūb). This cross-language study is expected to increase the knowledge of the elements of Arabic which in turn enables it to re-dignify the Malay language.

Kata Kunci:

*Partikel Wacana;
Interpretasi; Balaghah; al-
Ma‘ānī; Isnād; Uslūb*

ABSTRAK

Perkembangan penyelidikan bahasa Melayu dengan bahasa Arab telah mendorong penyelidik untuk membina interpretasi partikel wacana ‘lah’ berdasarkan perspektif linguistik Arab. Penyelidikan ini telah mengadaptasikan prosedur penyediaan data Sidnell dengan memperincikan aspek pemilihan data, informan dan transkripsi data. Rakaman Wacana Sinar dengan tajuk “Pelan Pemimpin Muda Untuk Negara” telah digunakan. Wawancara ini melibatkan seorang moderator dan tiga ahli panel daripada pihak kerajaan serta pihak pembangkang. Dalam proses membina interpretasi partikel wacana ‘lah’, ilmu balaghah bahasa Arab yang disesuaikan dengan penggunaan dalam bahasa Melayu digunakan. Berpandukan

subbidang ilmu balaghah, iaitu ilmu *al-ma'ānī*, analisis bagi membentuk interpretasi partikel wacana 'lah' difokuskan pada bentuk ujaran penyata (*khabarī*), iaitu berdasarkan aspek struktur binaan ujaran (*isnād*) dan aspek gaya bahasa (*uslūb*). Dapatan kajian menghasilkan dua interpretasi partikel wacana 'lah' berdasarkan aspek struktur (*isnād*). Selain itu, dua belas interpretasi partikel wacana 'lah' dapat dibina berdasarkan aspek gaya bahasa (*uslūb*). Kajian merentas bahasa ini diharapkan mampu meningkatkan pengetahuan tentang unsur bahasa Arab dan seterusnya mampu memartabatkan lagi bahasa Melayu.

Received: April 18, 2022

Accepted: June 07, 2022

Online Published: June 30, 2022

How to Cite:

Ismail, M. S., Sarudin, A., & Che Mat, A. (2022). Interpretasi partikel wacana 'Lah' berdasarkan ilmu Balaghah. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 7(1), 865-878. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v7i1.290>

1. Pengenalan

Al-Quran telah menggambarkan bahawa penggunaan partikel-partikel tertentu dalam bahasa mempunyai impak yang besar. Penggunaannya turut diberi perhatian yang serius dalam pembinaan hukum syarak yang berlandaskan nas al-Quran dan hadis (Mohamed et al., 2015). Kenyataan ini juga dapat diperhatikan berdasarkan surah al-Isrā [17] ayat 23 yang menunjukkan Allah SWT memberi penekanan kepada kesan penggunaan bahasa walaupun sekadar partikel 'ha'. Firman Allah SWT dalam surah al-Isrā [17] ayat 23:

﴿وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا ۖ إِنَّمَا يُبَلِّغُنَّ عِنْدَكَ الْكِبَرَ أَحَدُهُمَا أَوْ كِلَاهُمَا فَلَا تَقُلْ لَهُمَا أُفٌ وَلَا تَنْهَرُهُمَا وَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا ﴿٢٣﴾﴾

Terjemahan:

“Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya engkau tidak menyembah melainkan kepada-Nya semata-mata, dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang dari keduanya, atau kedua-duanya sekali, sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu, maka janganlah engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan "Ha", dan janganlah engkau menengking menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun).”

Berdasarkan terjemahan ayat al-Quran ini, penggunaan perkataan yang membawa makna mengeluh (*ta'affuf*) dan membentak (*intihār*) adalah dilarang apabila berbicara dengan ibu bapa sebaliknya ucapkan kata-kata yang baik sahaja dengan penuh hormat (al-Marāghī, 2006). Bahasa Arab telah menggunakan *ism al-ṣawt* (أُفٌ) bagi menggambarkan situasi mengeluh ini (al-Zuḥaylī, 2013). Dalam terjemahan bahasa Melayu yang berdasarkan *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman*, partikel 'ha' telah digunakan bagi menggambarkan makna mengeluh. Berdasarkan terjemahan ini, dapat diperhatikan bahawa interpretasi tertentu hadir dalam partikel. Dalam bahasa Melayu, kajian Bell & Ser (1983), Goddard (1994), Jaafar (2016) dan sarjana-sarjana lain menunjukkan bahawa terdapat beberapa lagi partikel yang membawa interpretasi tersendiri dalam konteks ujaran tertentu termasuklah partikel 'lah'.

Dalam masa yang sama, ilmu balaghah juga mula mendapat tempat dalam penelitian makna sesuatu unsur dalam bahasa Melayu. Pemikiran ini dapat diperhatikan dalam Abdul & Md Idris (2010) yang membincangkan berkaitan *Teori Balaghah Melayu* dan Abd. Rahman et al. (2019), yang menulis buku *Pengantar Balaghah Bahasa Melayu Berpandukan Balaghah Arab*. Memetik idea Abd. Rahman et al. (2019), setiap bahasa di dunia ini mempunyai sistem dan struktur tersendiri, namun isi hati dan perasaan yang diluahkan mempunyai asas yang sama. Hal ini menjadikan unsur-unsur balaghah dapat dikongsi penggunaannya oleh setiap individu. Selaras dengan perkembangan ini, interpretasi berkaitan partikel wacana

bahasa Melayu perlu diteroka keselarasannya berpandukan ilmu balaghah. Kajian lanjutan terhadap partikel wacana perlu diteruskan dengan meluaskan penerangan berkaitan penggunaan partikel wacana ini berdasarkan interpretasi melalui ilmu Balaghah.

2. Latar Belakang

Penggunaan partikel wacana ‘lah’ telah banyak dikaji oleh penyelidik bahasa sehingga menghasilkan pelbagai interpretasi kehadiran unsur tersebut dalam sesuatu ujaran. Antara hasil interpretasi tersebut termasuklah interpretasi yang melibatkan dimensi interpersonal, kognitif dan struktural (Ismail & Sarudin, 2021), sebagai kaedah meluahkan perasaan dan fikiran serta identiti pelajar (Lee & Ahn, 2020), menggambarkan situasi seseorang yang kurang cekap dalam berbahasa Inggeris (Goh, 2016; Lee & Ahn, 2020), salah satu cara mengelakkan salah faham, membawa makna kejengkelan, perasaan tidak puas hati, menggambarkan rasa kesal, sindiran, keramahan dan penegasan (Hoogervorst, 2018), meningkatkan atau merapatkan jarak sosial (Tay et al., 2016), menunjukkan pengaruh kemelayuan dan gambaran sikap penutur terhadap topik (Jaafar, 2016), mewujudkan persetujuan, penerimaan, sindiran, ketidaksetujuan, rasa kesal, salah satu cara untuk menyoal seseorang yang mempunyai darjat lebih rendah dan menghindari daripada berlakunya konflik (Hei, 2015), menyatakan perselisihan, penolakan, perasaan tidak selesa, memujuk, mencadangkan dan menerima (Mohd Nor, Zamri, & Awab 2015), membawa makna “Saya rasa anda boleh tahu apa yang ingin saya katakan” (Besemeres & Wierzbicka, 2003), membawa makna emosi, kesantunan, rasa tidak selesa, sindiran, menyampaikan maklumat dan tafsiran awal (Goddard, 1994), dan akhir sekali menegaskan, menarik perhatian, memberi arahan, mewujudkan kesepakatan dan kerjasama semasa interaksi (Gupta, 1992).

Namun demikian, keseluruhan interpretasi yang terhasil telah disesuaikan agar selari dengan pandangan serta teori yang telah dibangunkan oleh sarjana barat. Abdul & Md Idris (2010:57) turut menyatakan bahawa keilmuan barat pada hakikatnya terhasil daripada tafsiran sarjana barat berasaskan tiga aspek penting kebudayaan mereka, iaitu pandangan hidup, wawasan akal dan persepsi psikologi. Namun demikian, kebudayaan Islam yang terkandung dalam kebudayaan Melayu melalui bahasa dan adat (Fadzil, 2012:155) mewajarkan satu usaha bagi mendapatkan interpretasi partikel wacana ‘lah’ dari sudut pemikiran linguistik Islam.

2.1 Partikel Wacana ‘Lah’ Berdasarkan Ilmu Al-Ma‘ānī

Dalam bahasa Arab, perbincangan khusus berkaitan partikel wacana dinyatakan secara umum dengan partikel kata tugas yang lain (Al-Harawī, 1993; al-Murādī, 1992; al-Muzānī, 1983). Namun demikian, konsep berkaitan partikel-partikel tertentu dalam bahasa Arab dapat dilihat sama dengan konsep partikel wacana yang dibincangkan dalam kaedah barat. Konsep yang dimaksudkan adalah berkaitan makna pragmatik partikel-partikel tertentu yang hadir dalam ujaran. Dalam perbincangan ini, partikel wacana ‘lah’ menjadi objek yang difokuskan. Proses mendapatkan interpretasi pragmatik partikel wacana ‘lah’ melalui kaedah bahasa Arab dilakukan melalui penerapan ilmu *al-ma‘ānī*. Sejajar dengan kenyataan Abd. Rahman et al. (2019:2), bahawa proses menginterpretasikan ujaran berdasarkan konteks dan kontekstualiti menjadikan kajian pragmatik mempunyai ciri yang sama dengan perbincangan ilmu *al-ma‘ānī*.

Berdasarkan Abd. Rahman et al. (2019:1), ilmu *al-ma‘ānī* berkaitan dengan perbahasan struktur nahu. Pembentukan ayat berdasarkan struktur nahu ini menjadi panduan bagi memperoleh maksud sebenar sesuatu ujaran. Kenyataan ini menunjukkan bahawa kaedah interpretasi berdasarkan ilmu *al-ma‘ānī* berhubung kait dengan ilmu nahu. Dalam usaha memperoleh interpretasi berdasarkan kaedah bahasa Arab, fungsi partikel wacana ‘lah’ berpandukan ilmu tatabahasa turut diteliti. Hal ini wajar kerana partikel wacana ‘lah’ turut melibatkan perbincangan berkaitan struktur ayat dalam bahasa Melayu, iaitu berlaku proses pendepanan.

2.2 Implimentasi Konsep Isnād Terhadap Partikel ‘Lah’

Dalam ilmu *al-ma‘ānī*, penelitian terhadap ujaran dapat dibahagikan kepada dua, iaitu bagi mendapatkan penilaian tepat berkaitan maksud mesej dan bagi menjelaskan bentuk-bentuk ujaran untuk tujuan pembelajaran (Che Mat, 2018:39). Dalam penulisan ini, interpretasi partikel wacana ‘lah’ dianalisis berdasarkan struktur ujaran dan konteks ujaran. Struktur ujaran memerlukan analisis terhadap konsep *isnād* manakala konteks ujaran memerlukan analisis dibuat terhadap konsep *uslub*. Perbincangan dimulakan dengan memfokuskan interpretasi partikel wacana ‘lah’ melalui konsep *isnād*, iaitu implikatur berdasarkan struktur ujaran. Namun demikian, tidak semua struktur bahasa Arab dapat dimodifikasi kepada bahasa Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana

bahasa Arab merupakan bahasa fleksi dan mempunyai ciri yang kompleks (Abd. Rahman & Mezah, 2016:81). Walau bagaimanapun, terdapat beberapa persamaan struktur bahasa Arab dengan bahasa Melayu. Dalam nahu bahasa Melayu, kata yang menerima kehadiran partikel wacana 'lah' mesti dikedepankan dan partikel 'lah' merupakan kata penegas yang memberikan penekanan pada bahagian tertentu (Karim et al., 2015:261). Dalam ilmu *al-ma'ānī*, wujud beberapa struktur ujaran yang dapat dikaitkan dengan kehadiran partikel wacana 'lah' dalam ujaran. (Rujuk jadual 1).

2.3 Uslūb Khabarī

Interpretasi partikel wacana 'lah' juga dapat diperoleh melalui penelitian terhadap jenis ujaran. Dalam bahasa Arab, sifat penegasan hadir dalam dua jenis utama ujaran, iaitu jenis *khabarī* dan *inshā'ī*. Huraian bagi setiap jenis ujaran juga memerlukan perbincangan berkaitan beberapa gaya ujaran. Bagi mendapatkan analisis yang terperinci, penyelidikan ini memfokuskan interpretasi penegasan dalam ujaran jenis *khabarī* sahaja. Dalam ujaran jenis *khabarī*, terdapat dua tujuan utama penggunaannya (al-Sakkākī, 1937:80), iaitu menjelaskan hukum kebenaran kepada pendengar dengan menyampaikan sesuatu maklumat (*fā'idah al-khabar*) dan menjelaskan sesuatu maklumat yang sudah diketahui oleh kedua-dua pihak (*lāzim al-fā'idah*). Selain itu, terdapat juga penggunaannya yang membawa kepada implikatur lain. Che Mat (2018:100) telah merumuskan tiga belas (13) implikatur *khabarī* berdasarkan penulisan al-Jārim & Amīn (1951), Abdol-Raof (2005), al-Hāshimī (2005) dan al-Marāghī (1993). Antara implikaturnya termasuklah belas kasihan (*istirhām*), memberikan motivasi (*al-tanshīt wa tahrīk al-himmah*), melahirkan kelemahan (*ishār al-ḍa'f*), melahirkan dukacita dan kecewa (*ishār al-asaf al-hasrah*), melahirkan kebanggaan (*al-fakhr*), melahirkan rasa kebebasan yang akan tiba dan mencela perkara berlalu (*al-farj bi muqbill/al-shatāmah bi mudbir*), menegur (*tawbīkh*) atau ejekan (Salleh et al., 2021), memuji (*madh*), memberikan peringatan (*tadhkīr*), memberikan amaran (*indhār*), memberikan arahan (*amr*), melahirkan kegembiraan (*ishār al-farah*), dan menasihati serta membimbing (*wa'z dan irshād*). Interpretasi partikel wacana 'lah' semestinya lebih jelas apabila penggunaannya dianalisis berdasarkan konteks sesuatu ujaran yang dapat diperhatikan melalui implikatur penggunaan ujaran *khabarī*.

2.4 Situasi Mutaraddid dan Munkir

Selain implikatur ujaran jenis *khabarī*, terdapat dua implikatur khusus bagi penggunaan unsur penegasan, iaitu dalam situasi *mutaraddid* dan situasi *munkir*. Implikatur dalam kedua-dua situasi ini dijelaskan berdasarkan pihak pendengar dan pihak penutur. Namun demikian, implikatur pihak pendengar lahir daripada tanggapan yang hadir daripada pihak penutur. Implikatur penegasan dalam situasi pihak pendengar *mutaraddid* ialah seseorang yang telah mengetahui sesuatu maklumat tetapi berasa ragu-ragu. Implikatur pihak penutur apabila berhadapan dengan pendengar ini ialah seseorang akan menggunakan satu kata penegasan sebagai pengukuhan untuk menghilangkan keraguan dan menguatkan lagi penyataannya (Che Mat, 2018). Berdasarkan Salleh et al. (202), maklumat yang sedia diketahui (*lāzim al-fā'idah*) cenderung kepada maklumat peribadi atau berkaitan dengan pendengar itu sendiri. Tujuannya pula bagi memaklumkan bahawa penutur juga mengetahui maklumat tersebut.

Implikatur penegasan dalam situasi pihak pendengar *munkir* pula ialah seseorang yang membantah atau tidak bersetuju dengan sesuatu maklumat yang disampaikan. Implikatur pihak penutur dalam situasi ini ialah seseorang akan menggunakan kata penegasan yang lebih daripada satu bagi menghilangkan keraguan penutur dan menguatkan penyataannya (Che Mat, 2018). Berdasarkan Salleh et al. (2021), pendengar *munkir* menolak maklumat yang disampaikan kerana sifat degil, ingkar, dan ego. Implikatur yang dibincangkan ini menjadi petunjuk dalam proses membina interpretasi partikel wacana 'lah' (rujuk jadual 2).

3. Permasalahan Kajian

Kajian berkaitan *taukīd* (penegas) banyak dijalankan dalam pelbagai perspektif. Konsep *taukīd* juga banyak dikaitkan dengan partikel penguat, penegas dan penekan. Abdul & Md Idris (2010:33) turut mengkategorikan partikel berkenaan sebagai kata yang membawa unsur retorik Melayu. Keadaan ini menjadikan konsep *taukīd* lebih mudah dikenali berdasarkan penggunaan partikel-partikel tertentu. Kajian Abdul et al. (2020) menunjukkan bahawa ilmu balaghah telah membuka satu dimensi pemikiran baharu terhadap konsep *taukīd* dalam bahasa Melayu. Dalam kajian beliau, konsep *taukīd* yang dikenali sebagai *taukīd* kiasan juga hadir tanpa penggunaan partikel tertentu dalam bahasa Melayu. Penghayatan bersama konsep *mubālaghah* (hiperbola) mampu mencungkil nilai *taukīd* kiasan yang digunakan oleh penutur Melayu.

Namun demikian, penghayatan partikel-partikel yang menggambarkan penggunaan *taukīd* dalam bahasa Melayu yang meliputi partikel penguat, penegas dan penekan masih berpotensi untuk diterokai melalui ilmu *al-ma'ānī*. Hal ini dikatakan demikian kerana partikel-partikel yang menjalankan tugas penegasan dalam bahasa Melayu masih terbatas penerangannya pada ilmu nahu tanpa menggabungkannya dengan ilmu balaghah. Menurut Abdul et al. (2020), ketiadaan satu mekanisme yang dekat dengan jiwa penutur Melayu bagi menjelaskan aspek seni balaghah Melayu menjadi sebab beberapa fenomena berkaitan erti keindahan dalam komunikasi Melayu gagal ditangani secara holistik. Berbeza dengan bahasa Arab kerana semua fenomena bahasa telah diselesaikan secara ilmiah menerusi ilmu balaghah yang mampu menghubungkan ilmu kefasihan bahasa dengan ilmu nahu.

Perkembangan kajian balaghah yang mengaitkan penggunaan bahasa Melayu semestinya membuka dimensi baharu dalam usaha penelitian interpretasi partikel wacana 'lah'. Perkembangan kajian ilmu balaghah yang mengaitkan bahasa Melayu dapat diperhatikan dalam penulisan Zakaria et al. (2020) berkaitan seni *Majāz* bahasa Melayu, Abdul et al. (2020) berkaitan retorik *Mubālaghah* bahasa Melayu, Abd. Rahman et al. (2019) berkaitan balaghah bahasa Melayu berpandukan balaghah Arab, Che Mat (2018) berkaitan ilmu *al-ma'ānī* dalam terjemahan Arab-Melayu, Norul 'Azmi (2017) berkaitan perbandingan terjemahan partikel Arab Melayu dan Abdul & Md Idris (2010) berkaitan teori balaghah Melayu. Dalam penyelidikan ini, penelitian partikel penegas dikhususkan pada partikel wacana 'lah' bagi meneliti secara terperinci konsep *taukīd* yang dibawa oleh partikel wacana 'lah'. Keseluruhannya, objektif kajian ini bertujuan untuk menginterpretasi penggunaan partikel wacana 'lah' berdasarkan implikatur ujaran dan situasi pendengar dalam ilmu balaghah.

4. Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menganalisis rakaman *Wacana Sinar* yang bertajuk *Pelan Pemimpin Muda untuk Negara*. Data wacana ini dipilih kerana berbentuk wawancara, iaitu perbualan yang melibatkan penutur dan pendengar berinteraksi. Hal ini bagi melengkapi interpretasi berdasarkan ilmu balaghah yang melibatkan pihak penutur dan pendengar. Selain itu, beberapa kajian lepas seperti Zuraidah & Knowles (2006), Gallai (2017), Gialabouki & Pavlidou (2019) dan beberapa lagi kajian lain menunjukkan bahawa bentuk data wawancara menjadi pilihan dalam kajian yang melibatkan makna pragmatik. Penyediaan data adalah berdasarkan prosedur analisis perbualan Sidnell (2012), iaitu meliputi proses pemilihan data, penerangan berkaitan informan dan kaedah transkripsi data. Proses pemilihan data melibatkan proses pemerhatian, mendengar dan secara serentak menonton interaksi dalam rakaman *Wacana Sinar*. Hal ini bagi memastikan kehadiran partikel wacana 'lah' mencukupi untuk dianalisis. Informan pula merupakan pemimpin-pemimpin politik daripada pihak kerajaan dan pihak pembangkang. Informan juga terdiri daripada pemimpin muda yang berumur antara 28 hingga 40 tahun, iaitu melibatkan seorang (1) moderator dan tiga (3) orang ahli panel.

Rakaman *Wacana Sinar* ditukar kepada bentuk *word* berdasarkan kaedah transkripsi Aijmer (2002). Namun demikian, terdapat beberapa simbol transkripsi ditambah mengikut kesesuaian kajian ini. Beberapa singkatan digunakan bagi merujuk nama moderator dan ahli panel, iaitu AI singkatan kepada moderator Amin Idris, SS singkatan kepada Syahir Sulaiman, SJ singkatan kepada Syahredzan Johan, dan SSSAR singkatan kepada Syed Saddiq. Bagi memperoleh interpretasi partikel wacana 'lah' berdasarkan implikatur ujaran dalam ilmu balaghah, analisis seterusnya ditumpukan kepada ilmu *al-ma'ānī* dan difokuskan pada implikatur ujaran dalam gaya *khbarī*. Penggunaan istilah implikatur merujuk kepada komunikasi implisit, iaitu bentuk logik yang baru atau andaian yang dikomunikasikan tetapi bukan secara eksplisit (Abdul Aziz, 2010:62). Implikatur yang wujud berdasarkan konteks penggunaan unsur penegasan, iaitu *al-khabar al-ibtidā'ī* الخبري الابتدائي, *al-khabar al-talabī* الخبر الطلبي, dan *al-khabar al-inkārī* الخبر الإنكاري dijadikan asas pembinaan interpretasi. Selain itu, pemerhatian terhadap tujuan sesuatu ujaran *khbarī* dilafazkan juga dijadikan asas bagi membolehkan interpretasi dibina berdasarkan konteks ujaran yang tepat.

5. Dapatan Kajian

Dapatan kajian yang diperoleh hasil daripada interpretasi partikel wacana 'lah' berdasarkan ilmu balaghah dibahagikan kepada dua, iaitu interpretasi partikel wacana 'lah' berdasarkan konsep *isnād* dan interpretasi partikel wacana 'lah' berdasarkan konsep *fā'idah al-khabar* dan *lāzim al-fā'idah* serta situasi *mutaraddid* dan *munkir*.

5.1 Interpretasi Partikel Wacana ‘Lah’ Berdasarkan Konsep Isnād

Jadual 1: Interpretasi Partikel Wacana ‘lah’ Berdasarkan Konsep isnād

Bil	Struktur isnād	Contoh ujaran	Interpretasi partikel wacana ‘lah’
1	<i>Musnad</i> hadir pada kedudukan awal ujaran.	“Merekalah (minit 16.25) yang terpalit dengan rasuah 1MDB.”	
2	<i>Musnad</i> hadir dalam bentuk definit	“Yang ada sekarang ini hanyalah (minit 16.30) PAS.”	Mewujudkan pengkhususan pada bahagian <i>musnad ilayh</i> .
3	Pengguguran <i>musnad ilayh</i> atau <i>musnad</i>	“Relaxlah” (minit 1.01.58)	Sesuatu yang dirujuk kepada perkara yang sedia ada.

Antara struktur ujaran yang berkait dengan kehadiran partikel wacana ‘lah’ ialah apabila *musnad* hadir pada kedudukan awal ujaran. Dalam struktur ini, implikatur berkaitan usaha untuk mewujudkan pengkhususan pada bahagian *musnad ilayh* berlaku. Struktur yang sama juga berlaku dalam bahasa Melayu apabila bahagian predikat ingin diberi penekanan. Namun berbeza dengan bahasa Arab, bahagian yang menjadi sasaran pengkhususan ialah *musnad ilayh* atau subjek. Sebaliknya dalam bahasa Melayu, unsur yang dikedepankan itulah yang hendak diberikan penegasan (Karim et al., 2015). Sebagai contohnya dalam (1) ujaran “Merekalah (minit 16.25) yang terpalit dengan rasuah 1MDB.” Ayat asal dalam bentuk ayat sistem bahasa Melayu ialah “Pihak yang terpalit dengan rasuah 1MDB mereka.” Subjek atau *musnad ilayh* ialah “Pihak yang terpalit dengan rasuah 1MDB,” manakala predikat atau *musnad* ialah ‘mereka.’ Dalam nahu bahasa Melayu, makna penekanan pada bahagian tertentu berlaku apabila struktur predikat hadir pada kedudukan awal ujaran dan perlu tambahan partikel ‘lah’ (Karim et al., 2015:261). Namun demikian, berdasarkan kaedah *al-ma’ānī*, makna pengkhususan dinyatakan lebih jelas, iaitu pada bahagian *musnad ilayh* atau dapat disamakan dengan struktur subjek dalam keadaan tertentu.

Selain itu, binaan *musnad* yang hadir dalam bentuk definit juga membawa kepada makna pengkhususan kepada *musnad ilayh*. Sebagai contohnya dalam (2), ujaran “Yang ada sekarang ini hanyalah (minit 16.30) PAS.” Dalam binaan ayat sistem, ayat asal adalah “Pihak (pembangkang) yang ada sekarang ini hanyalah PAS.” Bentuk definit dapat dilihat wujud pada bahagian *musnad*, iaitu “hanyalah PAS.” Dalam ujaran ini, terdapat dua kata penegas yang hadir, iaitu ‘hanya’ dan ‘lah.’ Perbincangan ini akan diterangkan dalam bahagian jenis ujaran *khbarī*. Walaupun pengkhususan berlaku pada *musnad*, namun makna pengkhususan ini ditujukan kepada *musnad ilayh*, iaitu “PAS merupakan satu-satunya pihak (pembangkang) dan tiada pihak lain yang menjadi pembangkang selain daripada PAS.” Penjelasan ini menunjukkan bahawa bahagian yang menerima kesan pengkhususan oleh partikel wacana ‘lah’ berlaku pada *musnad ilayh* (subjek).

Akhir sekali, interpretasi yang membawa makna sesuatu yang dirujuk kepada perkara yang sedia ada. Interpretasi ini wujud apabila berlaku pengguguran *musnad ilayh* atau *musnad* (al-Ākubi & al-Shatiwī, 1993; Che Mat, 2018). Sebagai contohnya dalam (3), ujaran “Relaxlah” (minit 1.01.58) menunjukkan berlaku pengguguran pada bahagian *musnad ilayh*. Ujaran asalnya ialah “Relaxlah saudara,” iaitu *musnad ilayh*nya ‘saudara’ dan *musnad* ‘relaxlah.’ Dalam ujaran ini, partikel wacana ‘lah’ hadir bagi menggambarkan maklumat kepada perkara yang dirujuk telah dinyatakan pada ujaran sebelumnya. Perbincangan berkaitan dapatan kajian ini akan dihuraikan pada bahagian perbincangan.

5.2 Interpretasi Partikel Wacana ‘Lah’ Berdasarkan Fā’idah al-Khabar dan Lāzim al-Fā’idah Serta Situasi Mutaraddid dan Munkir

Jadual 2: Interpretasi Partikel Wacana ‘Lah’ Berdasarkan Fā’idah al-Khabar dan Lāzim al-Fā’idah serta Situasi Mutaraddid dan Munkir

Bil	Baris Ujaran	Implikatur Khabarī	Situasi Pendengar
1	94. AI: #tak./kenapa/ tak bertanding/ 95. SS: #payah =jawab tu\ (ketawa) 96. AI: (ketawa) 97. SSSAR: (Ketawā) 98. AI: #ok. Soalan/ saya/ 99. SS: #tak =layak =lagi lah\ (minit 14.01)	a) Menjelaskan sesuatu maklumat yang sudah diketahui oleh kedua-dua pihak (<i>lāzim al-fā’idah</i>) b) Melahirkan kelemahan (<i>ishār al-da’f</i>)	<i>Munkir</i>
2	115. #Tetapi. /merekalah/ (minit 16.25) /yang terpalit\ dengan\ rasuah/ 1MDB/.. dan\ seumpamanya/.	a) Menjelaskan sesuatu maklumat yang sudah diketahui oleh kedua-dua pihak (<i>lāzim al-fā’idah</i>). b) Ejekan atau sindiran (<i>tawbīkh</i>) (Salleh et al., 2021)	<i>Mutaraddid</i>
3	763. PI: #Soalan= saya\ ditujukan= kepada= Saudara= Syahir= Sulaiman\, wakil= daripada= PAS/. Seperti/ yang= tadi=, panel= sudah= maklum\ bahawa/ negara= kita mengalami= beban hutang= negara mencecah 1 trillon/ sekaligus/ memberikan/ satu= tampan/ kepada Pakatan= Harapan/ untuk/ melaksanakan beberapa manifesto/ 880. SS: #Kalau =si anak= itu= gagal/ melunaskan= hutang tersebut\... maka= ayah=, bapa/ sebagai penjamin/ ...aaa sebagai= penjamin anak itu/... barulah/(minit 1.32.48) si bapa= menanggung= hutang/, barulah/(minit 1.32.50) ada= dalam= <i>balance sheet</i> = si bapa/...Baru bapa/ kena= bayar instalment/.	a) Menyampaikan sesuatu maklumat (<i>fā’idah al-khabar</i>). b) Menasihati serta membimbing (<i>wa’z</i> dan <i>irshād</i>).	<i>Mutaraddid</i>
4	114. AI: #adakah ini/ dilihat\ umpama= <i>flip flop</i> = di dalam cara politik PAS=...aa \ketika nak royalti/ berbaik-baik=...ketika hentam/ bukan main/... 135. SS: #Bagaimana mungkin/.. Barisan Nasional/.. ahli – ahli Parlimen/.. Barisan Nasional ni/... nak kritik/, nak tegur rasuah/ dan sebagainya/.. 136. #Tetapi. Merekalah/ yang terpalit/ dengan rasuah 1MDB/.. dan seumpamanya/. 137. #Yang\ ada= sekarang ini= hanyalah/ (minit 16.30) PAS/...	a) Menyampaikan sesuatu maklumat (<i>fā’idah al-khabar</i>). b) Memuji (<i>madhī</i>).	<i>Munkir</i> .
5	152. #Aiihh\ rasa= berdebar= jugolah\ (minit 17.51) dengan =Syed Saddiq\.	a) Menyampaikan sesuatu maklumat (<i>fā’idah al-khabar</i>). b) Melahirkan kebanggaan (<i>al-fakhr</i>). c) Maklumat yang disampaikan menggambarkan perasaan bangga penutur terhadap pendengar (Che Mat, 2018).	<i>Munkir</i> .
6	175. #Biasalah\ (minit 20.01) formula= angka =dan sebagainya/.	a) Menyampaikan sesuatu maklumat (<i>fā’idah al-khabar</i>). b) Memuji (<i>madhī</i>). c) Maklumat yang disampaikan bertujuan untuk memberitahu pendengar berkaitan perihal dirinya yang mungkin tidak diketahui umum (Che Mat, 2018).	<i>Mutaraddid</i> .
7	288. SJ: #18 peratus\ dan the rest/ Barisan Nasional lah/. (minit 30.17)	a) Menjelaskan sesuatu maklumat yang sudah diketahui oleh kedua-dua pihak (<i>lāzim al-fā’idah</i>).	Situasi pendengar tiada maklumat (<i>khālī al-dhīmī</i>) kepada pendengar <i>mutaraddid</i> .


8	312. SJ: #Itu =itu. kita =kena \kita kena\ kita kena= reasonable lah\ (minit 32.42).	a) Menyampaikan sesuatu maklumat (<i>fā'idah al-khabar</i>). b) Memberikan arahan (<i>Amr</i>).	<i>Mutaraddid</i> .
9	345. AI: #Syahir=, ada= satu =lagi /yang jadi bermain =yang jadi bermain= di fikiran kebanyakan orang ialah. sampai bila/ PAS/ Kelantan\ nak= berbangga/ dengan=pencapaian Allahyarham= Tok Guru Nik Aziz/. 346. SS: #Saya setuju=. Saya setuju=.	a) Menjelaskan sesuatu maklumat yang sudah diketahui oleh kedua-dua pihak (<i>lāzim al-fā'idah</i>).	Situasi pendengar tiada maklumat kepada pendengar (<i>khālī al-dhihmī</i>) <i>mutaraddid</i> .
10	393. #Dan nak =raya ni =aaa pakat= beli baju raya=, harga pun baik= dan sekarang ni/... inilah/(minit 43.05) masa/ untuk kita sebagai rakyat/... guna= kuasa =sebagai pengguna ini/... kita drive ekonomi/ melalui= <i>consumption</i> kita/.	a) Menyampaikan sesuatu maklumat (<i>fā'idah al-khabar</i>). b) Memberikan peringatan (<i>tadhkīr</i>).	<i>Mutaraddid</i> .
11	411. #Tengok =sekarang ini\ rumah DBKL, rumah – rumah= lamalah\ (minit 44.09), DBKL baik, kerajaan persekutuan baik, PKNS baik=. Mana – mana kerajaan negeri/ kalau rumah awam/ rumah 2 bilik/.	a) Menyampaikan sesuatu maklumat (<i>fā'idah al-khabar</i>). b) Penutur menggunakan ujaran ini bagi menyampaikan maklumat baharu kepada pendengar (al-Sakkāki, 1937; Che Mat, 2018)	Situasi pendengar tiada maklumat kepada pendengar (<i>khālī al-dhihmī</i>) <i>mutaraddid</i> .
12	414. SS: #Pembangunan seimbang=... dan banyak lagilah=(minit 44.38).. program – program =kebijakan yang= dibuat= di Kelantan\ lebih awal=.	a) Menyampaikan sesuatu maklumat (<i>fā'idah al-khabar</i>). b) Memuji (<i>madh</i>).	<i>Munkir</i> .

Dalam contoh 1, ujaran SS pada baris 99 “tak layak lagi lah” diucapkan oleh penutur bagi menyatakan sesuatu maklumat yang telah diketahui oleh pendengar (*lāzim al-fā'idah*). Maklumat yang dikongsi ini berkaitan situasi SS, iaitu tidak bertanding sebagai calon menteri. Partikel wacana ‘lah’ yang hadir bersama penegas ‘lagi’ digunakan kerana penutur beranggapan pendengar berada pada situasi *munkir*. Hal ini dapat diperhatikan berdasarkan konteks perbualan yang berlaku. Pertanyaan AI, iaitu pada baris 91 “tak kenapa tak bertanding” menunjukkan AI sudah mengetahui bahawa SS tidak bertanding. Selain itu, pertanyaan tersebut telah diberi respon oleh SS dengan menyatakan soalan tersebut sukar dijawab “payah jawab tu (ketawa)”. Namun demikian AI masih mempersoalkan alasan SS tidak bertanding. Partikel wacana ‘lah’ dan ‘lagi’ yang hadir dalam ujaran SS pada baris 96 menunjukkan penutur menggunakan unsur penegasan dalam ujaran *lāzim al-fā'idah* bagi menghadapi pendengar *munkir*, iaitu untuk menghilangkan keraguan pendengar. Selain itu, kehadiran partikel wacana ‘lah’ dalam ujaran tersebut juga menjelaskan lagi makna kelemahan (*ishār al-ḍa'f*) yang cuba digambarkan oleh penutur melalui unsur penegasan.


Dalam contoh 2, ujaran SS pada baris 115 “Tetapi merekalah (minit 16.25) yang terpalit dengan rasuah 1MDB.. dan seumpamanya” mempunyai tujuan utamanya, iaitu menyatakan sesuatu maklumat yang telah diketahui oleh pendengar (*lāzim al-fā'idah*). Hal ini dikatakan demikian kerana umum mengetahui bahawa Barisan Nasional terpalit dengan isu 1MDB. Penggunaan satu partikel wacana ‘lah’ menunjukkan pendengar berada dalam situasi *mutaraddid*. Partikel wacana ‘lah’ digunakan bagi menggambarkan penegasan untuk menghilangkan keraguan dan menguatkan lagi penyataan kerana penutur merasakan bahawa pendengar telah mengetahui sesuatu maklumat tetapi berasa ragu-ragu. Keraguan ini timbul terhadap status pembangkang parti Barisan Nasional. Selain itu, kehadiran partikel wacana ‘lah’ dalam konteks ujaran berbentuk ejekan juga memberi kesan sindiran yang jelas terhadap subjek yang dimaksudkan, iaitu Barisan Nasional.

Dalam interpretasi pada contoh 3. Ujaran SS pada baris 880, iaitu “barulah (minit 1.32.48) si bapa menanggung hutang, barulah (minit 1.32.50) ada dalam *balance sheet* si bapa” menunjukkan bahawa penutur menggunakan partikel wacana ‘lah’ bagi menegaskan penyataannya kepada pendengar yang berada dalam situasi *mutaraddid*. Situasi ini juga menunjukkan ujaran bertujuan *lāzim al-fā'idah*. Situasi *mutaraddid* ini dapat diperhatikan dalam ujaran pendengar pada baris 763 berkaitan hutang negara mencecah 1 trillion. Namun demikian, penutur beranggapan bahawa pendengar keliru dengan pengiraan hutang 1 trilion tersebut. Bagi menghilangkan kekeliruan ini, partikel wacana ‘lah’ hadir dalam ujaran SS pada baris 880 sebagai unsur penegasan dalam ujaran *lāzim al-fā'idah*. Usaha penutur menghilangkan kekeliruan pendengar ini menunjukkan

isnād. Interpretasi yang pertama, iaitu makna pengkhususan pada bahagian *musnad ilayh* berlaku apabila *musnad* hadir pada kedudukan awal ujaran. Dalam struktur ini, partikel wacana ‘lah’ turut hadir pada bahagian *musnad* yang berlaku proses pendepanan. Struktur kedua yang membawa kepada interpretasi pengkhususan *musnad ilayh* berlaku apabila binaan *musnad* hadir dalam bentuk definit. Dalam ujaran bahasa Melayu, bentuk definit terhasil melalui tambahan penggunaan partikel wacana ‘lah’. Perbezaan ketara antara interpretasi partikel wacana ‘lah’ berdasarkan ilmu balaghah dengan tatabahasa Melayu sedia ada dapat diperhatikan pada bahagian yang menjadi sasaran pengkhususan. Berikut merupakan rajah perbezaan tersebut yang diambil daripada jadual 1 (contoh ayat 1).




Rajah 1: Bahagian sasaran pengkhususan partikel wacana ‘lah’ berdasarkan ilmu balaghah



Rajah 2: Bahagian sasaran pengkhususan partikel wacana ‘lah’ berdasarkan tatabahasa Melayu.

Interpretasi partikel wacana ‘lah’ yang menggambarkan ‘sesuatu perkara yang dirujuk adalah berdasarkan petunjuk sedia ada’ pula wujud apabila berlaku pengguguran pada bahagian *musnad ilayh*, manakala bahagian *musnad* dikekalkan. Proses ini dapat difahami melalui adaptasi struktur ayat bahasa Arab kepada struktur ayat bahasa Melayu, iaitu subjek sebagai *musnad ilayh* dan predikat sebagai *musnad*. Dalam ujaran bahasa Melayu, bahagian subjek (*musnad ilayh*) yang terdiri daripada kata ganti nama diri dapat digugurkan dalam ayat perintah (Karim et al., 2015). Dalam hal ini, partikel wacana ‘lah’ hadir dalam bahagian *musnad* yang dikekalkan bagi membawa makna ‘sesuatu perkara yang dirujuk berdasarkan petunjuk sedia ada (al-Ākubi & al-Shatiwī, 1993; al-Hāshimī, 2005; Che Mat, 2018:47), iaitu kata ganti nama diri yang digugurkan.

Beralih kepada perbincangan dapatan kajian dalam 5.2, aspek implikatur, situasi pendengar dan situasi penutur yang terhasil dilihat saling menyokong untuk membentuk satu interpretasi partikel wacana ‘lah’ yang relevan. Berikut merupakan gambaran kepada hubungan kait berkenaan yang diambil daripada jadual 2 (contoh ayat 1).



Rajah 3: Gambaran hubung kait proses interpretasi dengan implikatur dan situasi pendengar

Berdasarkan rajah 3, apabila seseorang penutur berdepan dengan pendengar yang *munkir*, perkara utama yang dilakukan adalah menguatkan bahagian penjelasan berkaitan maklumat yang diketahui oleh kedua-dua pihak (*lāzim al-fā'idah*). Di samping itu, pengakuan penutur terhadap kelemahan diri sendiri dilihat mengendurkan desakan pendengar *munkir* yang inginkan maklumat tambahan. Situasi mengendurkan pendengar *munkir* ini juga menunjukkan persamaan dengan makna 'gesaan agar pendengar menerima atau berfikir seperti penutur fikirkan' dalam Brown & Jie (2014), Deuber, Leimgruber, & Sand (2018), Lim (2007), Wee (2010) dan Wong (2004). Dapatan ini menunjukkan interpretasi partikel wacana 'lah' berpandukan ilmu balaghah tidak hanya dilihat dalam ruang lingkup penutur sahaja, iaitu menguatkan pernyataan, atau pengkhususan pada maklumat yang dinyatakan tetapi turut melibatkan interpretasi pada pihak pendengar dan berdasarkan konteks ujaran.

Selain itu, interpretasi partikel wacana 'lah' sering menjurus kepada situasi pendengar *munkir* dan *mutaraddid*. Namun demikian, terdapat penggunaan partikel wacana 'lah' pada situasi pendengar yang tidak mengikut bentuk gaya ujaran biasa iaitu dalam 7, 9 dan 11. Kelainan ini memberi petunjuk bahawa partikel wacana 'lah' digunakan bagi tujuan yang berbeza, iaitu untuk menjawab persoalan yang timbul dalam fikiran pendengar (Salleh et al., 2021), meminta laluan untuk mendapatkan giliran bertutur dan penutur memperbetulkan pernyataan sebelumnya (Jucker & Ziv 1998).

7. Kesimpulan

Terdapat pelbagai interpretasi penegasan yang tersirat di sebalik penggunaan partikel wacana 'lah' dalam wawancara pemimpin muda. Selain itu, kehadiran partikel wacana 'lah' dalam pelbagai konteks ujaran dan situasi penutur turut mempengaruhi makna bagi memenuhi tujuan sesuatu ujaran dilafazkan. Penelitian terhadap konteks ujaran semestinya mempengaruhi interpretasi yang dijalankan. Namun demikian, implikatur terhadap sesuatu ujaran mungkin agak sukar diperoleh tanpa integrasi ilmu bahasa Arab yang telah lengkap dan terperinci. Oleh hal yang demikian, usaha memartabatkan bahasa Melayu perlu diselaraskan dengan bahasa Arab, iaitu bahasa yang pernah mencetuskan perubahan besar kepada ilmu linguistik Melayu. Bermula sejak perkembangan sistem tulisan jawi sehingga terciptanya beberapa huruf baharu dan seterusnya mempengaruhi perkembangan kosa kata yang memerlukan penghayatan terhadap konsep abstrak seperti sabar, ikhlas, iman dan sebagainya, bahasa Arab turut meningkatkan tahap literasi dan perkembangan intelektual dalam bahasa Melayu. Kenyataan ini jelas menunjukkan bahawa usaha memajukan bahasa Melayu melalui penghayatan bahasa al-Quran perlu diteruskan agar falsafah Islam yang terkandung dalam bahasa berkenaan dapat disemai dalam kehidupan masyarakat Malaysia.

Penghargaan

Penulis merakamkan penghargaan kepada Dr. Abu Hassan bin Abdul, iaitu seorang pensyarah di Universiti Pendidikan Sultan Idris atas kata-kata motivasi yang diberikan sepanjang penulisan artikel ini dilakukan.

Penulisan beliau berkaitan *Teori Balaghah Melayu* juga banyak memberi idea kepada penulis untuk terus mengkaji bahasa Melayu berdasarkan ilmu balaghah.

Rujukan

- Abd. Rahman, M. Z. & Mezah, C. R. (2016). *Ciri-ciri bahasa Arab fonetik, morfologi dan sintaksis*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Abd. Rahman, M. Z., Hussin, M. & Mezah, C. R. (2019). *Pengantar balaghah bahasa Melayu berpandukan balaghah Arab*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Abdul Aziz, S. H. (2010). *Pragmatik linguistik*. Kuala Lumpur, KL: Universiti Malaya.
- Abdul Raof, H. (2006). *Arabic rhetoric: a pragmatic analysis*. London, UK: Routledge Taylor & Francis Group.
- Abdul, A. H. & Md Idris, M. R. (2010). *Teori Balaghah Melayu*. Kuala Lumpur, KL: Pustaka Widad.
- Abdul, A. H., Twahir, W. & Kamal, M. H. (2020). Retorik mubalaghah dalam taukid kiasan bahasa Melayu. Dlm. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-5 (PASAK5 2020)*: 69–82. Dicapai daripada <http://conference.kuis.edu.my/pasak5/images/eprosidingpasak5/ID019.pdf>.
- Aijmer, K. (2002). *English discourse particles*. Amsterdam: John Benjamins Publishing Company.
- Al-Harawī, A. M. (1993). *Kitāb al-Azhiyyah fī 'Ilm al-Ḥurūf*. Damsyik: Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah.
- Al-Hāshimī, S.N.A. (2005). *Jawāhir al-Balāghah*. Kaherah: Mu'assah al-Mukhtār.
- Al-Jārim, A., Amīn, M. (1951). *Al-Balāghah al-Wāḍiḥah*. Mesir: Maktabah al-Khanji.
- Al-Marāghī, A. M. (1993). *'Ulūm al-Balāghah: al-Ma'āni wa al-Bayān wa al-Badī'*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Marāghī, A. M. (2006). *Tafsīr al-Marāghī*. Jil. 13 & 15. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Murādī, H. I. Q. (1992). *Al-Janā al-Dānī fī Ḥurūf al-Ma'ānī*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Muzānī, A. H. (1983). *Al-Ḥurūf*. Amman: Dār al-Furqān.
- Al-Sakkākī, Y. A. B. (1937). *Miftāḥ al-'Ulūm*. Mesir: Maṭba'ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī.
- al-Zuhaylī, W. (2013). *Tafsīr Al-Munir: Aqidah, Syariah, Manhaj*. Jil. 8. Jakarta: Gema Insani.
- Bell, R. T., & L. P. Q. Ser. (1983). 'To-Day La?' 'Tomorrow Lah!'; The LA Particle in Singapore English. *RELX Journal*, 14(2):1–18. <https://doi.org/10.1177/003368828301400201>.
- Besemeres, M., & Wierzbicka, A. (2003). The meaning of the particle lah in Singapore English. *Pragmatics & Cognition*, 11(1), 3–38. <https://doi.org/10.1075/pc.11.1.03bes>.
- Brown, D. W. & Jie, T.S. (2014). Singapore English and styling the Ah Beng. *World Englishes*, 33(1):60–84. <https://doi.org/10.1111/weng.12070>.
- Che Mat, A. (2014). *Kata sendi nama bahasa Arab terjemahannya ke dalam bahasa Melayu*. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Che Mat, A. (2018). *Ilmu al-Ma'ānī dalam terjemahan Arab-Melayu*. Kuala Lumpur, KL: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Deuber, D., Leimgruber, J. R. E. & Sand, A. (2018). Singaporean internet chit chat compared to informal spoken language. *Journal of Pidgin and Creole Languages*, 33(1):48–91. <https://doi.org/10.1075/jpcl.00002.deu>.
- Fadzil, S. (2012). *Islam dan Melayu: martabat umat dan daulat rakyat*. Kajang: Akademi Kajian Ketamadunan Kompleks Dar al-Hikmah.
- Gallai, F. (2017). Pragmatic competence and interpreter-mediated police investigative interviews. *Translator*, 23(2), 177–196. <https://doi.org/10.1080/13556509.2017.1327317>.
- Gialabouki, L., & Pavlidou, T. S. (2019). Beyond answering: Interviewees' use of questions in TV political interviews. *Journal of Pragmatics*, 151, 18–29. <https://doi.org/10.1016/j.pragma.2019.07.014>.
- Goddard, C. (1994). The Meaning of Lah: Understanding "Emphasis" in Malay (Bahasa Melayu). *Oceanic Linguistics*, 33(1), 145–165. <https://doi.org/10.2307/3623004>.
- Goh, R. B. H. (2016). The anatomy of Singlish: globalisation, multiculturalism and the construction of the 'local' in Singapore. *Journal of Multilingual and Multicultural Development*, 37(8), 748–758. <https://doi.org/10.1080/01434632.2015.1133628>.
- Gupta, A. F. (1992). The pragmatic particles of Singapore colloquial English. *Journal of Pragmatics*, 18(1), 31–57. [https://doi.org/10.1016/0378-2166\(92\)90106-L](https://doi.org/10.1016/0378-2166(92)90106-L).
- Hei, K. C. (2015). The implications of lah, ah, and hah as used by some speakers in Malaysia. *Journal of Modern Languages*, 14(1), 133–151. Dicapai daripada <https://jml.um.edu.my/index.php/JML/article/view/3801>.



Published biannually by:
**Faculty of Islamic Civilization Studies,
Selangor International Islamic University College (KUIS)**
Bandar Seri Putra, 43600, Bangi, Selangor (Darul Ehsan) Malaysia.
Tel: +603-8911 7167, Fax: +603-8925 4402
Email: alirsyad@kuis.edu.my
Web: <http://al-irsyad.kuis.edu.my/>

Vol. 7, No. 1, (June, 2021)

- Hoogervorst, T. G. (2018). Utterance-final particles in Klang Valley Malay. *Wacana*, 19(2), 291–326. <https://doi.org/10.17510/wacana.v19i2.704>.
- Ismail, M. S. & Sarudin, A. (2021). Interpretasi partikel wacana Lah dalam wawancara politik. Dlm. *Persidangan Antarabangsa Bahasa, Sastra dan Budaya Melayu (Rentas 2021)*. Vol. 1, pp. 79–91. Sintok: Universiti Utara Malaysia. Dicapai daripada <https://rentas2021.wixsite.com/home/prosiding>.
- Jaafar, M. F. (2016). Simbol peralihan kod dalam fiksyen: kes penanda wacana bahasa Melayu -Lah, What Dan Ah. Dlm. M. F. Jaafar & I. S. Zainudin (Penyt.). *Linguistik terapan dalam penyelidikan bahasa*, pp. 108–25. Kuala Lumpur, KL: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jucker, A. H., & Ziv, Y. (1998). *Discourse markers: descriptions and theory*. Amsterdam: John Benjamins Publishing Company.
- Karim, N. S., M. Onn, F., Musa, H. & Mahmood, A. H. (2015). *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur, KL: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lee, E. S. Y., & Ahn, H. (2020). Overseas Singaporean attitudes towards Singlish. *Asian Englishes*, 00(00), 1–16. <https://doi.org/10.1080/13488678.2020.1795783>.
- Lim, L. (2007). Mergers and acquisitions: on the ages and origins of Singapore English particles. *World Englishes*, 26(4):446–73. <https://doi.org/10.1111/j.1467-971X.2007.00522.x>.
- Mohamed, I. Z., Abd Rahman, M. Z., Mohamed, A. & Osman, M. F. (2015). Hukuman jenayah zina dalam undang-undang jenayah Islam: kajian terhadap perkaitannya dengan partikel al. *Jurnal of Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 2(1). Dicapai daripada <http://journal.kuis.edu.my/jsass/issues/jsass-vol-2-bil-1-2015>.
- Mohd Nor, Z., Zamri, N. & Awab, S. (2015). Lexical features of Malaysian English in a local English-language movie, Ah Lok Café. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 208(Iclic 2014), 282–299. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2015.11.204>.
- Norul ‘Azmi, N. A. (2017). Analisis Perbandingan Terjemahan Kata Partikel Arab Melayu. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 2(2): 68–80. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v2i2.19>.
- Salleh, A. W., Zaid Yusof, C. M., Ab Razak, A. M., Ismail, Z. & Wan Abdullah, W. I. (2021). *Ilmu balaghah lengkap*. Selangor: Darul Syakir Enterprise.
- Sidnell, J. (2012). Basic conversation analytic methods. Dlm. J. Sidnell & T. Stivers (Penyt.), *The Handbook of Conversation Analysis*, pp. 77–99. Chichester, UK: John Wiley & Sons, Ltd. <https://doi.org/10.1002/9781118325001>.
- Tay, L. C., Chan, M. Y., Yap, N. T., & Wong, B. E. (2016). Discourse Particles in Malaysian English: What Do They Mean? *Bijdragen Tot de Taal-, Land- En Volkenkunde*, 172(4), 479–509. <https://doi.org/10.1163/22134379-17204002>.
- Wee, L. (2010). The particle Ya in colloquial Singapore English. *World Englishes*, 29(1):45–58. <https://doi.org/10.1111/j.1467-971X.2009.01624.x>.
- Wong, J. (2004). The particles of Singapore English: a semantic and cultural interpretation. *Journal of Pragmatics*, 36(4):739–93. [https://doi.org/10.1016/S0378-2166\(03\)00070-5](https://doi.org/10.1016/S0378-2166(03)00070-5).
- Zakaria, G., Abdul, A. H., Abd Rahman, M. Z. & Twahir, W. (2020). Seni majaz dalam bahasa Melayu: analisis berdasarkan ilmu balaghah Arab. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature* 6812(1):18–32. Dicapai daripada <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/PENDETA/article/view/3618/2411>.
- Zuraidah, M. D., & Knowles, G. (2006). Prosody and turn-taking in Malay broadcast interviews. *Journal of Pragmatics*, 38(4), 490–512. <https://doi.org/10.1016/j.pragma.2005.11.003>.